

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)50

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

50. Apakah langkah-langkah kesiapsiagaan yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri bagi menghadapi kejadian bencana alam dan luar jangka seperti banjir kilat, ribut, hakisan tanah dan wabak penyakit?
- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dan sedang dibelanjakan bagi tujuan mitigasi risiko, pelan tindakan kecemasan dan bantuan kepada rakyat terkesan sejak tahun 2020?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

50. Kerajaan Negeri komited dalam melaksanakan langkah kesiapsiagaan selaras dengan Arahan NADMA No.1 melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang merangkumi agensi seperti BOMBA, PDRM, APM, ATM, Kesihatan Negeri, JKM, JPS, MET Malaysia, dan lain-lain. Antara langkah yang diambil adalah:

- (a) Memantau risiko bencana dan mengemas kini data kawasan-kawasan berisiko
- (b) Pembangunan Keupayaan Sumber Manusia dan Kompetensi
- (c) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai bencana terhadap masyarakat
- (d) Menyediakan inventori logistik yang lengkap
- (e) Mengemas kini pelan komunikasi bencana
- (f) Memperkukuh pelan koordinasi tindak balas bencana

Selain itu, antara langkah kesiapsiagaan utama yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menghadapi kejadian bencana alam dan luar jangka adalah seperti berikut:

- (i) Banjir Kilat & Ribut

Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebanyak beberapa lokasi *hot-spot* banjir di seluruh negeri yang pernah mengalami banjir sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh tiga tahun.

- 1) Melaksanakan beberapa projek tebatan banjir melalui kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) termasuk pembinaan rumah pam dan kolam takungan banjir.
- 2) Dalam menghadapi fenomena seperti La Niña, semua agensi teknikal dan pasukan penyelamat dikerahkan, sistem saliran dan sungai dikemas kini, pam air dan kunci rumah pam dipastikan berfungsi, serta pusat pemindahan sementara (PPS) sedia diaktifkan.

(ii) Hakisan Tanah, Cerun & Tanah Runtuh

Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pemantauan cerun berisiko sepanjang musim hujan. Sebagai contoh, penggunaan sensor geoteknikal di kawasan cerun seperti di

Jalan Tun Sardon (Balik Pulau) untuk mengesan kegagalan cerun awal.

(iii) Wabak Penyakit

Bagi menghadapi kemungkinan wabak penyakit, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menubuhkan *fever centre* di hospital bagi menumpukan rawatan kepada kes demam yang berisiko

- 1) Melaksanakan pengasingan laluan pesakit penyakit berjangkit dan tidak berjangkit di Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi mengelakkan penularan.
- 2) Selain itu, pelan bencana hospital turut diaktifkan apabila berlaku lonjakan kes, dengan penyediaan *Disaster Zone* ,penambahan katil serta mobilisasi petugas kesihatan secara dalaman.
- 3) Langkah-langkah pencegahan penularan dalaman turut diberi penekanan bagi mengelakkan jangkitan silang

kepada pesakit lain yang tidak menghidap penyakit berjangkit.

- 4) Kes-kes yang dikesan di hospital dilaporkan melalui sistem *survelan Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk tindakan pencegahan awal.
- 5) Pada masa sama, pemantauan terhadap bekalan oksigen, ubat-ubatan dan peralatan perubatan sentiasa dilakukan bagi memastikan sumber mencukupi sekiranya berlaku peningkatan kes luar jangka.

(iv) Kerajaan Negeri menyediakan bantuan kewangan kepada agensi pengurusan bencana dan juga mangsa bencana iaitu:

- 1) Bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana melalui Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang (sebelum ini dikenali sebagai Tabung TYT Negeri Pulau Pinang). Kerajaan Negeri memperuntukkan bayaran

bantuan kewangan sebanyak 10% daripada nilai kemusnahan/kerosakan sebenar atau nilai maksimum RM5,000.00 atau minimum RM200.00 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana.

- 2) Kerajaan Negeri juga menyediakan Wang Panjar Khas Akaun Amanah Krisis Negeri untuk membiayai perbelanjaan bagi maksud melaksanakan operasi menangani sesuatu krisis bagi survival di peringkat daerah. Setiap daerah diberikan Wang Panjar Khas Krisis berjumlah RM10,000.00 bagi setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Kerajaan Negeri dengan kerjasama NADMA menyediakan peruntukan bagi Pengurusan Pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL), Pembelian Bot Enjin dan Jaket Keselamatan, Peruntukan bagi Kerja-Kerja Baik Pulih dan Naik Taraf Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta Pemberian Bantuan Bencana kepada Mangsa Bencana. Kesemua peruntukan tersebut telah diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi tujuan kerja-kerja kecemasan dan bencana sepanjang tahun 2019/2020 hingga 2023/2024

seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja
Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan.

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN PENGURUSAN PENGOPERASIAN MONSUN TIMUR LAUT (MTL) BAGI TAHUN 2019/2020 HINGGA 2023/2024

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN/PERUNTUKAN (RM)					JUMLAH (RM)	CATATAN
		2019/2020	2020/2021	2021/2022	2022/2023	2023/2024		
1.	PDTDTL	20,000.00	20,000.00	35,000.00	40,000.00	40,000.00	155,000.00	Peruntukan yang diagihkan bagi Tahun 2021 dan 2022 adalah mengikut keperluan PDT pada masa tersebut.
2.	PDTDBD	20,000.00	20,000.00	38,000.00	40,000.00	40,000.00	158,000.00	
3.	PDTSPPT	20,000.00	20,000.00	46,000.00	40,000.00	40,000.00	166,000.00	
4.	PDTSPS	20,000.00	20,000.00	35,000.00	70,000.00	40,000.00	185,000.00	
5.	PDTSPU	20,000.00	20,000.00	30,000.00	40,000.00	40,000.00	150,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		100,000.00	100,000.00	184,000.00	230,000.00	200,000.00	814,000.00	

PERUNTUKAN BAGI PEMBELIAN BOT DAN JAKET KESELAMATAN BAGI TAHUN 2022

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	30,000.00
2.	PDTDBD	30,000.00
3.	PDTSPT	30,000.00
4.	PDTSPS	30,000.00
5.	PDTSPU	30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		150,000.00

PERUNTUKAN KERJA-KERJA BAIK PULIH PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2025

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN/PERBELANJAAN MENGIKUT TAHUN		
		2022	2023	2025
1.	PDTDTL	0	127,733.53	0
2.	PDTDBD	0	129,926.00	0
3.	PDTSPPT	0	177,999.90	20,000.00
4.	PDTSPS	0	132,340.57	40,000.00
5.	PDTSPU	33,445.00	100,000.00	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		33,445.00	668,000.00	80,000.00

PERUNTUKAN BANTUAN BENCANA / BANTUAN WANG IHSAN (BWI) DISALURKAN BAGI TAHUN 2023/2024 DAN DIGUNAKAN SEHINGGA KINI

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	400,000.00
2.	PDTDBD	400,000.00
3.	PDTSPT	400,000.00
4.	PDTSPS	400,000.00
5.	PDTSPU	400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		2,000,000.00

Peruntukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM2,000,000.00 telah diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) iaitu RM400,000.00 masing-masing untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana. Sebanyak 270 Keluarga / Ketua Isi Rumah (KIR) telah menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dan menjadikan jumlah bantuan yang diberikan kepada semua mangsa sebanyak RM270,000.00. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN					
		2023		2024		2025	
		KIR	BWI (RM)	KIR	BWI (RM)	KIR	BWI (RM)
1.	PDTDTL	0	0	0	0	0	0
2.	PDTDBD	0	0	0	0	0	0
3.	PDTSPPT	0	0	53	53,000.00	13	13,000.00
4.	PDTSPS	0	0	36	36,000.00	0	0
5.	PDTSPU	46	46,000.00	122	122,000.00	0	0
JUMLAH KELUARGA/KETUA ISI RUMAH (KIR)		46	46,000.00	211	211,000.00	13	13,000.00
JUMLAH BANTUAN WANG IHSAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA MANGSA BENCANA (RM)		270,000.00					